UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Professorial Lecture UiTM

PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN

“Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage”

and

PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

“Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network”

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

0:00 : Prof. Farid dan Prof. Zuhaina, para pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik khususnya pelajar kedoktoran, serta para hadirin yang dihormati sekalian. Selamat datang ke Majlis Syarahan Profesor yang diadakan di Dewan Sri Anjung, UiTM Shah Alam. Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat daripada Yang Maha Esa, dapat kita semua berkumpul di sini untuk satu majlis ilmu yang begitu bermakna.

0:37 : Pada hari ini, dua profesor yang berpengalaman dan tidak asing dalam ekosistem pengurusan universiti berganding bahu dalam berkongsi wadah ilmu berteraskan kejuruteraan kuasa. Para hadirin yang dihormati sekalian, landskap keilmuan merupakan ekosistem yang dinamik dan sentiasa berkembang serta menjadi wadah perkongsian dan pencetus wacana intelektual

1:15 : Hari ini merupakan detik yang diraikan oleh seluruh Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan pastinya amat istimewa buat Prof. Dr. Ahmad Farid Abidin dan Prof. Dr. Hajah Zuhaina Zakaria. Ini merupakan kemuncak pencapaian seorang ahli akademik yang bergelar profesor.

1:48 : Tradisi keilmuan dimulakan dengan adab dan doa memohon keberkatan Ilahi. Dengan penuh takzim, majlis menjemput Ir. Dr. Nik Hakimi Nik Ali untuk memimpin bacaan doa. Dipersilakan.

2:13 : Al-Fatihah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ya Allah, Tuhan Yang Maha Melimpah Rahmat dan Maha Luas keberkatan-Nya. Kami menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada-Mu atas peluang yang diberikan untuk kami berkumpul dalam majlis ilmu ini.

3:15 : Ya Allah, kurniakanlah keberkatan dalam setiap rezeki yang kami peroleh dan jauhkanlah kami daripada rezeki yang tidak menepati syariat-Mu. Tanamkan dalam diri kami kesungguhan, keazaman dan disiplin untuk meningkatkan kualiti kerja kami.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

3:58	:	Jadikanlah kami insan yang melaksanakan tugas dengan ikhlas, berintegriti serta memiliki semangat kerja berpasukan yang tinggi agar tercapai segala objektif yang diamanahkan.
4:38	:	Jadikanlah pertemuan ini sebagai pertemuan yang dirahmati dan perpisahan kami nanti sebagai perpisahan yang indah serta penuh ukhuwah yang berpanjangan.
5:07	:	Ya Allah, kurniakanlah kesihatan yang baik kepada para profesor dan seluruh hadirin serta bimbinglah kami agar terus berada di landasan ilmu dan iman.
6:29	:	Jauhkanlah kami daripada sifat mazmumah dan hiasilah kami dengan sifat mahmudah yang Engkau redai. Amin.
7:03	:	Terima kasih kepada Ir. Dr. Nik Hakimi Nik Ali atas bacaan doa sebentar tadi.
7:14	:	Ilmu bersemi dilaman budi, Akal disulam dengan hikmah, Majlis dimula penuh bererti, Aluan pengerusi penyempurna langkah.
7:24	:	Dengan segala hormatnya, majlis menjemput Yang Berusaha Prof Ir. Dr. Hamidah Muhammad Saman, pengerusi majlis profesor UiTM untuk menyampaikan ucapan beliau. Dipersilakan.
7:50	:	Terima kasih kepada pengacara majlis, Profesor Ismiroha. Bismillahirahmanirahim, Yang Dihormati Yang Berusaha, Profesor Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin @ Baharun. Yang Berusaha, Prof. Ir. Dr. Hajah Zuhaina Hj. Zakaria. Yang Berbahagia, Dato Ir. Mohamad Nor Ismail. CEO Fakulti, selaku pengarah Metro Harapan Sdn. Bhd. Yang Berusaha, Prof Ir. Dr. Izham Zainal Abidin, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Yang Berusaha Prof. Madya Ir. Teknologis, Dr. Zainal Osman, Pengerusi IEEE Power & Energy Society (PES) Malaysia.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

: Yang Berusaha, Prof. Dr. Azni Zain Ahmed, Mantan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Penolong Naib Canselor ILD UiTM. Yang berusaha Prof. Madya Ir. Teknologi Dr. Husna Zainul Abidin, Timbalan Dekan Akademik Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Yang Berusaha, Prof. Madya Insinyur Dr. Nur Ashidah Salim, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Kejeruteraan Elektrik. Tuan-tuan, puan-puan, semua rakan-rakan sahabat-sahabat saya disini, dan yang dihormati sekalian.

7:39 : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Alhamdulillah, pada petang ini kita berpeluang berhimpun di Dewan Anjung Seri Budiman bagi menjayakan Majlis Syarahan Profesor anjuran Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTM.

10:32 : Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pihak penganjur serta semua yang terlibat kerana memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi piawaian universiti.

10:52 : Syarahan Profesor merupakan wadah penting dalam ekosistem akademik universiti buat masa ini UiTM mempunyai hampir 180 orang profesor dan mereka ini memiliki kepakaran dalam perlbagai bidang. Syarahan profesor akan dijadikan sebagai satu amalan wajib dikalangan profesor di UiTM bukan sahaja untuk menengahkan profesor-profesor di UiTM tetapi memperkasa peranan profesor dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat atau komuniti diluar sana. Majlis ini juga memberi peluang kepada warga fakulti, para pelajar serta tetamu industri untuk menimba ilmu dan memahami perkembangan terkini dalam apa jua bidang profesor, pada masa yang sama, majlis ini juga menujukkan sumbangan besar dalam memaju penyelidikan, pengajaran, dan pembangunan akademik universiti. Kehadiran tetamu daripada sektor industri pada petang ini, amat kami hargai dan ia menujukkan hubungan strategik yang terus terjalin antara universiti dan rakan industri. Usaha untuk membentuk graduan yang berkualiti tidak bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

: Graduan yang berdaya-saing ialah graduan yang terdedah kepada pemikiran yang luas, nilai profesionalisme yang kukuh dan pengalaman yang menambah keyakinan diri. Syarahan profesor seperti ini memberi ruang kepada pelajar, masyarakat, bukan sahaja dikalangan akademik bagaimana ilmu yang dipelajari di dalam bilik kuliah diterjemahkan kepada penyelidikan inovasi dan amalan sebenar dalam dunia profesional. Hadirin yang dihormati, program syarahan profesor pada petang ini, menampilkan dua tokoh penting, fakulti Kejeruteraan Elektrik, kedua-dua profesor yang diraikan pada hari ini telah memainkan peranan yang besar dalam memperkukuhkan pendidikan, pelajaran, dan kepimpinan akademik di UiTM dalam bidang masing-masing.
Mereka ialah Yang Berusaha , Profesor Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin dan Yang Berusaha Prof. Ir. Dr. Hajah Zuhaina Haji Zakaria. Semoga kita semua dapat memberikan sepenuh perhatian, memahami, dan mengambil manfaat daripada perkongsian yang bakal disampaikan oleh kedua-dua profesor ini.

14:17 : Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

14:23 : Terima kasih kepada yang berusaha Prof. Ir. Ts. Dr. Hamidah Mohamad Saman yang telah menyampaikan ucapan aluan penuh inspirasi dan semangat bagi kita semua membuka langkah ke segmen Majlis Syarahan Profesor pada petang ini. Terima kasih Prof. Hamidah sekali lagi.

14:43 : Para hadirin sekalian, para tetamu yang dihormati, bagi syarahan Profesor segmen yang pertama, majlis dengan segala sukacitanya menjemput yang berusaha Prof. Madya Ir. Teknologis Dr. Husna Zainul Abidin, Timbalan Dekan Akademik untuk memperkenalkan Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin @ Baharun. Dipersilakan.

15:22 : Terima kasih Prof. Pengurus Majlis, yang berusaha Prof. Ir. Ts. Dr. Hamidah Mohamad Saman, Pengurus Majlis Prof. UITM, yang berusaha Prof. Ir. Dr. Hajah Zuhaina Haji Zakaria, Prof. Fakulti Kecuteraan Electric, yang berbahagia Datuk Ir. Mohamad Nur Ismail, CEO at Faculty dan juga Pengarah Metro Harapan Sdn. Bhd.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

: Yang berusaha Prof. Ir. Dr. Isham Zainal Abidin, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Tenaga Nasional, Yang Berusaha Prof. Madya Ir. Teknologis Dr. Miz Zainal Osman, Pengurusi IEEE Power Energy Society PEST Malaysia, Yang Berusaha Prof. Dr. Azmi Zain Ahmad, mantan Timbalan Naib Transler Akademik dan Antarabangsa, yang juga mantan Penolong Naib Canselor ILD UITM, yang berusaha Prof. Madya Ir. Dr. Nur Ashidah Salim, Timbalan Dekan Hal Ewal Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik, tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

16:29 : Izinkan saya untuk memperkenalkan yang berusaha Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, maaf tadi tak ada dalam list salutasi.

16:44 : Prof. Dr. Ahmad Farid Abidin merupakan seorang sarjana yang telah berkhidmat di UiTM sejak tahun 2001, dilahirkan di Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Perjalanan akademik beliau bermula di Universiti Kebangsaan Malaysia, di mana beliau memperolehi izjazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem pada tahun 2000.

17:11 : Beliau selanjutnya melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik di Universiti Teknologi Mara pada tahun 2005 dan Dr. Fasafah dalam Kejuruteraan Elektrik di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2011, di bawah seliaat yang berbahagia Prof. Emeritus Dr. Azzah Mohamad.

17:31 : Bidang kepakaran beliau merangkumi pemprosesan isyarat dalam sistem kuasa, perlindungan sistem kuasa, kualiti kuasa dan pendidikan kejuruteraan yang merupakan cabang kritikal dalam pembangunan teknologi tenaga modern.

17:47 : Sejak menyertai UiTM pada 24 tahun yang lalu, sebagai pembantu penelitian, Prof. Dr. Ahmad Farid telah memegang pelbagai jawatan penting di UiTM. Sebagai Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Kuasa, Pengarah Advanced Computing and Communication, Komuniti Pendidikan atau KOR di Jabatan Pendidikan dan Inovasi UiTM, Timbalan Dekan Akademik, Ketua Pengajian Kejuruteraan Elektrik di Kolej Pengajian Kejuruteraan, Pengarah Pusat Asasi UITM dan yang terkini semenjak 1 Mei 2025 sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

: Yang berusaha Prof. Ir. Dr. Isham Zainal Abidin, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Tenaga Nasional, Yang Berusaha Prof. Madya Ir. Teknologis Dr. Miz Zainal Osman, Pengurusi IEEE Power Energy Society PEST Malaysia, Yang Berusaha Prof. Dr. Azmi Zain Ahmad, mantan Timbalan Naib Transler Akademik dan Antarabangsa, yang juga mantan Penolong Naib Canselor ILD UITM, yang berusaha Prof. Madya Ir. Dr. Nur Ashidah Salim, Timbalan Dekan Hal Ewal Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik, tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

16:29 : Izinkan saya untuk memperkenalkan yang berusaha Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, maaf tadi tak ada dalam list salutasi.

16:44 : Prof. Dr. Ahmad Farid Abidin merupakan seorang sarjana yang telah berkhidmat di UiTM sejak tahun 2001, dilahirkan di Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Perjalanan akademik beliau bermula di Universiti Kebangsaan Malaysia, di mana beliau memperolehi izjazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem pada tahun 2000.

17:11 : Beliau selanjutnya melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik di Universiti Teknologi Mara pada tahun 2005 dan Dr. Fasafah dalam Kejuruteraan Elektrik di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2011, di bawah seliaat yang berbahagia Prof. Emeritus Dr. Azzah Mohamad.

17:31 : Bidang kepakaran beliau merangkumi pemprosesan isyarat dalam sistem kuasa, perlindungan sistem kuasa, kualiti kuasa dan pendidikan kejuruteraan yang merupakan cabang kritikal dalam pembangunan teknologi tenaga modern.

17:47 : Sejak menyertai UiTM pada 24 tahun yang lalu, sebagai pembantu penelitian, Prof. Dr. Ahmad Farid telah memegang pelbagai jawatan penting di UiTM. Sebagai Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Kuasa, Pengarah Advanced Computing and Communication, Komuniti Pendidikan atau KOR di Jabatan Pendidikan dan Inovasi UiTM, Timbalan Dekan Akademik, Ketua Pengajian Kejuruteraan Elektrik di Kolej Pengajian Kejuruteraan, Pengarah Pusat Asasi UITM dan yang terkini semenjak 1 Mei 2025 sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

18:34 : Peranan-peranan ini mencerminkan keyakinan universiti terhadap kemampuan beliau mengurus, memimpin dan mencorak hala tuju akademik fakulti dan universiti dengan cemerlang. Dari sudut kesarjanaan, Prof. Dr. Ahmad Farid telah menunjukkan keupayaan yang mantap dalam menghasilkan penelitikan berkualiti tinggi. Penemuan dan analisis daripada kajian beliau banyak menyumbang kepada perkembangan wacana akademik dalam bidang sistem kuasa dan pemprosesan isyarat.

19:09 : Hasilnya telah diterbitkan dalam pelbagai jurnal antarabangsa yang diiktiraf kerana ketelitian akademik dan piawayan penyelidikannya.

19:20 : Hasil penyelidikan beliau telah banyak diterbitkan dalam jurnal bereputasi tinggi seperti IEEE Transactions on Power Electronics, Turkish Journal of Electrical Engineering and Computer Sciences, International Journal of Power Electronics and Drive Systems, ePrime Advances in Electrical Engineering. Selain itu, beliau juga terlibat dengan pelbagai projek penyelidikan yang disokong oleh agensi pembiayaan tempatan dan antarabangsa antaranya National Instruments, FRGS, eScience, ERGS dan RAGS.

19:55 : Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, universiti telah menyaksikan bagaimana Prof. Dr. Ahmad Farid Abidin sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dalam pengajaran, penyelidikan dan kepimpinan akademik.

20:10 : Atas komitmen yang tinggi ini, pelbagai bentuk penghargaan telah dianugerahkan kepada beliau sepanjang kerjanya antaranya anugerah hikmat cemerlang, anugerah penyelidik harapan, anugerah jaringan komuniti FKE dan anugerah staff popular di pusat asasi. Kepakaran akademik dan pengalaman luas Prof. Dr. Ahmad Farid turut melangkaui sempadan UiTM apabila beliau turut dilantik sebagai Panel Penilai Akreditasi, Engineering Accreditation Council IAC dan Engineering Technology Accreditation Council ITEC.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

20:30 : Kepakaran beliau turut diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui pelantikan sebagai panel penilai dan pemeriksa luar.

20:48 : Beliau juga diberi kepercayaan oleh institusi luar sebagai pemeriksa luar, penasihat akademik dan panel penilai antara institusi yang mendapatkan hikmat beliau termasuk Universiti Malaysia Perlis, UniMAP, Universiti Teknikal Malaysia, UTEM, UniKL, British Malaysia Institute, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Kuala Tengganu, College Community Jalabut, UniCell dan juga Universiti Malaysia Pahang, Sultan Abdullah.

21:17 : Seiring dengan kepakaran beliau, Prof. Farid juga sering diberi peluang untuk berkongsi pengetahuan melalui pentas-pentas intelektual di dalam dan luar negara sebagai guest speaker. Antara jemputan yang terima oleh beliau adalah peringkat termasuk Liga Ilmu Serantau, International Conference on Energy Conservation and Efficiency.

21:45 : Selain itu, beliau juga aktif memainkan peranan dalam badan profesional. Antara peranan utama yang diberikan kepada beliau adalah seperti berikut, Auditor IEEE PAS Malaysia, Executive Committee IEEE PAS Malaysia dan juga Treasurer IEEE PAS Malaysia. Peranan beliau sebagai penyelia merupakan sumbangan paling penting dalam pembangunan modal insan negara.

22:09 : Dengan kepakaran teknikal dan pengalaman penyelidikannya luas, beliau telah membimbing sejumlah besar pelajar PASKAS Iswaza dan kejayaan pelajar-pelajar di bawah bimbingannya menjadi cerminan kepada komitmen, ketelitian dan sokongan berterusan yang beliau berikan sepanjang perjalanan penyelidikan mereka. Ada antara mereka yang bersama kita hari ini kan?

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

22:30 : Dalam membimbing penyelidik muda ini, beliau sering menekankan empat nilai asas yang menjadi falsafah hidupnya iaitu Usaha, Disiplin, Istiqamah dan Tawakal. Prinsip ini menjadi tunjang kepada cara beliau bekerja dan memimpin dan pada masa yang sama menjadi sumber motivasi kepada pelajar di bawah seliaannya untuk terus konsisten, sabar dan cekal dalam mengejar kecemalangan akademik.

22:56 : Hadirin yang dihormati sekalian, Prof. Dr. Ahmad Farid Abidin ialah seorang pendidik, penyelidik dan pemimpin yang telah mencurahkan pengalaman, kepakaran dan komitmen sebanyak lebih dua dekad bersama UiTM. Sumbangan beliau dalam penyelidikan tinggi dan pembangunan sistem kuasa negara wajar diraihkan. Saya ingin merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada Prof. atas kesediaan beliau untuk menyampaikan syarahan Profesor pada hari ini.

23:24 : Semoga penyampaian beliau nanti bukan sahaja memperluas pemahaman kita dalam bidang yang diketengahkan tetapi turut menyuntik inspirasi dan semangat kepada semua yang hadir. Dengan penuh takzim, saya mempersilakan Prof. untuk menyampaikan syarahan. Dan sekian, terima kasih.

23:47 : Terima kasih kepada yang berusaha Prof. Madya Ir. Teknologis Dr. Husna Zainul Abidin, Timbalan Dekan Akademik keranatelah memperkenalkan Prof. Farid. Para hadirin yang dihormati sekalian, dengan pengenalan itu tadi, marilah kita bersama-sama kita memberi tumpuan kepada layar untuk menyaksikan satu video khas yang telah disediakan oleh Unit Korporat, Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTM, sama-sama kita saksikan.

24:27 : [potongan audio – suara lelaki] [pause]

24:31 : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

24:35 : Saya mengenali Prof. Farid sejak beliau menjadi Timbalan Dekan. Kemudian apabila fakulti-fakulti kejuruteraan bergabung menjadi kolej, saya dilantik sebagai PNC Kejuruteraan UiTM. Di situ saya mengenali beliau dengan lebih rapat.

24:53 : Saya mula mengenali Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin semasa sama-sama memegang jawatan Ketua Pusat Pengajian pada tahun 2016. Saya ketika itu memegang jawatan Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer, manakala Prof. Farid adalah Ketua Pusat Pengajian Bidang Kuasa.

25:10 : Saya mengenali Prof. Farid agak lama, iaitu sejak mula-mula saya berada di UiTM Shah Alam. Pada ketika itu, saya dan Prof. Farid banyak bermain bola bersama. Apabila fakulti-fakulti kejuruteraan digabungkan menjadi satu Kolej Kejuruteraan, di situlah saya dan Prof. Farid bekerjasama lebih rapat.

25:32 : Saya mengenali Prof. Farid ketika beliau menjawat jawatan Pengarah Pusat Asasi pada Oktober 2022.

25:40 : Saya mula mengenali Prof. Farid pada tahun 2006, sewaktu saya mula bertugas di UiTM. Daripada zaman beliau sebagai encik, kemudian bergelar Dr., Prof. Madya dan akhirnya Profesor.

25:52 : I first met Prof. Farid back in 2011. When I was starting my journey from industry into academia.

25:59 : Saya, Nur Hidayah binti Pa'at, isteri kepada Prof. Ahmad Farid bin Abidin.

26:06 : Nama saya Ahmad Wasim bin Ahmad Farid dan saya merupakan anak kepada Prof. Ahmad Farid

26:14 : Prof. Farid pada pandangan saya merupakan seorang individu yang teliti, berhati-hati dengan pengalaman yang ada pada beliau, ilmu yang ada pada beliau serta jawatan dan kuasa yang ada pada beliau. Beliau tidak menggunakan jawatan itu sewenang-wenangnya.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

26:30 : Sebagai seorang ketua pada ketika itu, saya banyak belajar daripada Prof berkaitan dengan pengurusan akademik. Sebab Prof dah lama terlibat dengan hal-hal akademik ini, terutama dari segi akreditasi program. Dan sekarang saya pula bertugas sebagai TDA di bawah Prof sebagai dekan. Saya nampak Prof ni seorang yang tenang dalam buat keputusan dan buat apa-apa keputusan itu mengikut prosedur, mengikut integritinya dan dia fokus kepada kualiti sesuatu yang nak dibuat.

27:05 : Dia merupakan seorang yang sistematik tetapi lembut. Cara dia sampaikan. Dia bila bawa satu usul itu, dia tidak bawa secara langsung. Dia ada berlapik, dia ada pembuka katanya dan kemudian cadangan itu dikemukakan satu persatu dengan teratur. Jadi bila saya berurusan dengan Prof Farid itu, jadi senang untuk kita berbincang dengan dia.

27:27 : Dia sentiasa membimbing saya melalui setiap langkah. Dari Master sehingga PhD, dia mengajar saya bukan sahaja tentang skala penyelidikan tetapi juga mengenai keberanian, disiplin dan juga keberanian. Sekarang, bekerja dengan dia, saya melihat tenaga yang sama. Dia sangat berkomitmen dan menginspirasi. Selain itu, sekarang dia berjalan sebagai dean baru, saya benar-benar bangga dan berterima kasih untuk teruskan perjalanan ini di bawah kepimpinan dia.

27:55 : Ketika awal semester di pusat asasi, Prof. suka masuk ke sesi pekuliahan persyarah secara rawak. Menurut beliau, kalau beliau boleh faham, kuliah yang dia ajar walaupun berlainan bidang, jadi seharusnya pelajar juga begitu. Meminati sukan jualan sepak, beliau akan turut serta kalau ada perlawanan persahabatan, latihan staff, beliau akan turut pandang.

28:21 : Persahabatan saya dengan Prof Farid menjadi lebih rapat sehinggalah selepas Prof Farid meninggalkan fakulti dan berpindah ke pusat asasi. Namun, dari segi keakrapan sebagai sahabat, kami masih berkawan sehingga kini dan sentiasa bekerjasama. Di mana saya dirujuk oleh Prof Farid dan ada juga perkara yang saya merujuk kepada Prof Farid, terutamanya dari pandangan akademik. Kerana saya faham Prof Farid lebih mahir dari segi akademik.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

28:53 : Selain daripada menjadi sumber rujuk berkaitan akademik, Prof Farid juga menjadi sumber rujukan hal-hal berkaitan dengan agama. Pihak rakan-rakan akan bertanya kepada beliau mengenai hukum-hukum dan beliau memberi pandangan.

29:10 : Salah satu sisi lagi, kami tak pernah nampak Prof Farid mengalami stres. Kita tak nampak. Tak tahu di mana stres dia simpan. Mungkin di poket kanan, poket kiri ataupun poket meja dia

29:20 : Dari kacamata saya sebagai seorang isteri dan anak-anak pula, beliaulah seorang yang selalu menjadi pemangkin, selalu menjadi pendorong dan pemberi semangat untuk kami semua menjadi versi yang terbaik dari diri kami. Beliau juga sentiasa menitibberatkan agar kami sentiasa menghargai setiap anugerah yang Allah telah berikan kepada kami.

29:47 : Sebagai ayah, seorang yang sangat komited, disiplin dan realistik. Semua keputusan yang dibuat perlu berdasarkan logik tanpa melibatkan apa-apa emosi. Saya boleh cakap ayah saya ini sebagai antara kawan rapat saya dan antara kawan-kawan saya yang lain. Sebab daripada kecil sampai besar, dialah tempat saya berbual untuk semua benda. Sebagai remaja umur 20 tahun yang perlu belajar lebih banyak lagi, saya rasa tanpa didikan dia, saya takkan dapat diri saya yang sekarang.

30:23 : Kepada sahabat saya Prof Farid, saya mengucapkan tahniah kerana berjaya mengadakan Profesional Lecture pada hari ini. Dan saya mengharapkan perjalanan Professional Lecture ini akan berjalan dengan lancar dan memberi manfaat kepada kami semua. Dan dengan ini saya juga mengharapkan Prof Farid terus berkarya dengan menulis lebih banyak buku dan membentangkan lebih banyak bahan-bahan ilmiah kepada pelajar dan juga kepada masyarakat. Dan saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan semoga Prof Farid terus maju dalam bidang yang diceburi, iaitu bidang akademik dan juga penyelidikan yang Prof Farid jalankan.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

31:06 : Jadi saya ambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan taniah kepada Prof Farid di atas pembentangan atau penyampaian syarahan Profesor ini. Dan saya mendoakan agar Prof Farid diberikan kesihatan dan sentiasa berada dalam keberkatan dan peliharaan Allah SWT sepanjang karier dan sepanjang hidup dia.

31:29 : Tahniah kepada Prof Farid di atas Pembentangan Profesor ini. Semoga terus maju jaya, sukses selalu dan terus berkhidmat untuk agama bangsa dan negara.

31:41 : Tahniah kepada Prof Farid di atas Pembentangan Profesor ini. Semoga berjaya.

31:46 : To Prof. Farid, I wish you for more success, wisdom, and strength. May you continue to inspire more students just as you inspired me. All the best Prof. and thank you for everything.

31:56 : Tahniah ucapkan kepada Prof Farid di atas Pembentangan Profesor ini. Usaha beliau dalam mempengaruhi bidang pejabat elektrik, khususnya dalam bidang power quality, telah mempunyai impak yang besar di sudut pengembangan ilmu dan juga aplikasi kepada sistem kursus.

32:12 : Sebagai rakan di luar UiTM, saya amat bangga dengan pencapaian ini. Semoga Prof Farid terus diberi kekuatan, kesihatan yang baik dan ilham untuk terus memacu kecepatan dengan UiTM. Dan juga dapat memberi inspirasi kepada pelajar yang akan datang. Semoga Prof. terus menginspirasi lebih ramai pelajar seperti yang telah dilakukan kepada saya.

32:31 : Harapan saya semoga Prof maju dalam kejayaan dan penyelidikan. Dikunakan kesihatan baik yang berterusan dan dipermudahkan dalam perusahaan.

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

32:43 : Bukan satu benda yang mudah untuk capai ke level ini. Memerlukan banyak kerja keras dan komited. Dan Wasim sebagai anak, waspun, janji akan buat ayah bangga.

33:01 : Buat akhirnya, seerah Allah barakatillah suamiku. Sentiasalah berusaha menyumbang demi anak bangsa. Sentiasalah berkarakter mulia. Membawa ciri-ciri yang Ibadur Rahman. Seorang anak, seorang suami, seorang ayah dan seorang pemimpin yang salih dan bertakwa. Teruskan berusaha untuk berjaya mencapai setiap cita-cita dan harapan yang diimpikan. Dan lebih-lebih lagi kejayaan di akhirat nanti. Saya hentikan

31:41 : nukilan saya di sini. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

33:51 : Dengan tayangan video itu tadi, majlis dengan rasa penuh takzim menjemput Yang Berusaha, Prof. Ir. Dr. Ahmad Farif Abidin @ Baharun bagi menyampaikan syarahan profesor beliau yang betajuk "Artifical Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral to Ground Voltage"

34:15 : Majlis dengan penuh takzim mempersilakan.

34:22 : [inaudible] [pause Xs]

34:43 : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam UiTM di hatiku, salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Untuk semua tetamu dan teman-teman saya, keluarga saya, alhamdulillah saya bersyukur kerana dapat berdiri di sini. Sangat bermakna bagi saya untuk berkongsi sedikit pengetahuan hasil pengalaman selama 25 tahun sebagai akademia di UiTM. Topik yang saya pilih ialah mengenai kecerdasan artifisial (AI) dan sumber kecerdasan untuk keadaan tanah. Walaupun kelihatan sangat teknikal, saya cuba sampaikan dengan lebih mudah agar kita semua dapat menerima manfaat dan memahami apa yang akan saya kongsi. Kandungan perkongsian saya hari ini akan bermula dengan pandangan tentang kualiti kuasa (power quality, PQ).

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

: Isu utama yang saya fokuskan ialah neutral voltage terlalu tinggi (ENTGV), salah satu masalah berkaitan PQ. Kemudian saya akan jelaskan bagaimana AI berperanan dalam mengenal pasti isu tersebut, dan akhirnya saya akan menutup sesi dengan penjelasan serta kesimpulan. Saya dilahirkan di Kota Terengganu pada tahun 1978. Pendidikan awal saya di Sekolah Kebangsaan Ampaka, kemudian di MRSM Taiping. Selepas SPM pada tahun 1995, saya melanjutkan pengajian di ITM Dungun. Kini, pada usia 47 tahun, saya bergelar Profesor di UiTM dan juga jurulatih. Saya berterima kasih kepada ibu bapa, isteri, anak-anak serta tujuh orang adik-beradik yang sentiasa menyokong saya. Saya anak bongsu, dan sokongan mereka amat penting dalam perjalanan hidup saya. Perjalanan penyelidikan saya bermula dengan projek tahun akhir di bawah Dr. Aini, kemudian bersama Dr. Shah Rizam (rahimahullah) dan Dr. Zakir Abdullah yang memperkenalkan saya kepada bidang AI dan PQ. Saya juga mendapat bimbingan daripada Prof. Azhar dan Prof. Hosein Sharif yang mengubah cara saya melihat penyelidikan, bagaimana menjelaskan eksperimen, pemodelan matematik, dan menghasilkan penulisan akademik yang baik.

Bahagian teknikal: sistem elektrik terdiri daripada generasi, transmisi, distribusi dan subdistribusi. Fokus kajian saya ialah pada masalah neutral voltage terlalu tinggi (ENTGV). Masalah ini boleh membawa risiko besar: bahaya kepada manusia, gangguan dan kerosakan peralatan elektrik, serta kerugian ekonomi. Sumber utama masalah ini ialah sambungan longgar, gangguan dan harmonik. Untuk mengatasinya, saya menggunakan pendekatan AI bagi mengklasifikasikan data. Tiga jenis AI diuji:

- Support Vector Machine (SVM)
- Probabilistic Neural Network (PNN
- General Regression Neural Network (GRN)

Program

Professorial Lecture UiTM

Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam

18 December 2025 (Khamis), Jam 2.00 petang

Nama PROFESSOR IR. DR. AHMAD FARID ABIDIN @ BHARUN & PROFESSOR IR. DR. ZUHAINA HJ. ZAKARIA

Tajuk "Artificial Intelligence for Source Identification of Excessive Neutral-to-Ground Voltage" & "Intelligent Service Restoration in Smart Distribution Network"

Jangka masa : 2 Jam 17 Minit

Transkrip:

: Keputusan menunjukkan SVM paling berkesan dengan ketepatan 98.3%. Kesimpulannya, penggunaan AI dan teknik komputer berjaya membantu mengenal pasti masalah ENTGV dan meningkatkan kecekapan sistem kuasa. Selagi kita bergantung kepada elektrik, isu power quality akan kekal relevan dan perlu diberi perhatian. Saya ingin berkongsi aspirasi: kejayaan memerlukan usaha, disiplin, istiqamah dan tawakal. Kita lakukan yang terbaik, selebihnya serahkan kepada Allah SWT. Ucapan terima kasih saya tujukan kepada UiTM, fakulti, IRMI, UiTM Press, UiTM Terengganu, pelajar-pelajar serta rakan-rakan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

1:05:04 : Terima kasih kepada yang berusaha Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid di atas penyampaian syarahan Profesor itu tadi. Maknanya terjawablah tadi stress yang tidak kelihatan di wajah beliau, tidak juga disimpan di poket kanan mahupun di poket kiri. Rupa-rupanya bagaimana Prof. Farid memindahkan voltan, begitulah beliau memindahkan tekanan itu kepada para pelajarnya.

